

**UJIAN BAHASA MALAYSIA (PEMAHAMAN)**

**TAHUN 3 PENGGAL 1 /2016,**

**9 MEI 2016 MASA : 75 MINIT**

Nama : \_\_\_\_\_ ( ) Markah : \_\_\_\_\_ /100  
Kelas : \_\_\_\_\_ Tandatangan ibu bapa : \_\_\_\_\_

**Bahagian A : 10 markah**

**Garis jawapan yang betul mengikut arahan yang dibaca oleh guru.**

1. Berjoging dapat \_\_\_\_\_ ( mencegah , menahan ) penyakit jantung dan obesiti.
2. \_\_\_\_\_ ( Udara , Angin ) yang kotor akan menjasakan kesihatan manusia.
3. Teck Sing \_\_\_\_\_ / mengupas , mencuci ) buah jambu sebelum mengisar buan itu.
4. Pegawai Pelajaran Daerah akan melawat \_\_\_\_\_ ( perpustakaan , pejabat ) sekolah pada minggu hadapan.
5. Rajan menyusun meja berbentuk \_\_\_\_\_ ( segi empat , empat segi ) di tengah-tengah perpustakaan itu.

**Bahagian B: 40 markah**

**Pilih jawapan yang paling sesuai dan tuliskan jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.**

6. Yong memelihara seekor burung yang diberi nama \_\_\_\_\_.  
A Sang Kancil      B Sang Nuri      C Pak Belang
7. Murid-murid membeli makanan di \_\_\_\_\_ pada waktu rehat.  
A kedai buku      B makmal      C kantin
8. \_\_\_\_\_ mandi dua kali sehari supaya badan saya bersih dan segar.  
A Kita      B Kami      C Saya
9. " \_\_\_\_\_ hendaklah menggosok gigi dengan cara yang betul," kata jururawat itu kepada murid-murid tahun 3.  
A Kita      B Mereka      C Awak

**m/s 1**

10. \_\_\_\_\_ selamat melahirkan bayi lelaki di hospital.

- A Cik      B Puan

- C Encik

Soalan 11 berdasarkan gambar di bawah.



11. \_\_\_\_\_ abang saya yang sulung.

- A Itulah      B Inilah      C Sinilah

12. "Tia \_\_\_\_\_ cikgu wamakan mural ini," minta Cikgu Adli.

- A Tolong      B sila      C harap

Soalan 13 berdasarkan gambar di bawah.



13. Abang membasuh se \_\_\_\_\_ kasut sekolah dengan pencuci supaya bersih.

- A buah      B pasang      C biji

14. Datuk Alex sangat \_\_\_\_\_ kerana telah menyumbangkan sepuluh buah komputer kepada perpustakaan Sekolah Sri Intan.

- A kecil hati      B sakit hati      C murah hati

15. Pendaftaran para peserta Jogathon Yu Hua bermula \_\_\_\_\_ pukul 7.00 pagi \_\_\_\_\_ pukul 8.00 pagi.

- A pada, dari      B dari, hingga      C dari, pada

16. Para peserta Jogathon Yu Hua mula berlari \_\_\_\_\_ pukul 7.30 pagi.

- A hingga      B pada      C dari

17. Buah-buahan tempatan bukan sahaja sedap \_\_\_\_\_ mengandungi banyak khasiat.

- A dan      B malahan      C tetapi

18. Johnny mandi di dalam bilik air \_\_\_\_\_ bernyanyi dengan riang.

- A lalu      B sambil      C manakala

19. \_\_\_\_\_ kita mesti makan sayur-sayuran dan buah-buahan?

- A Mengapakah      B Siapakah      C Berapakah

20. "\_\_\_\_\_, sakitnya perut saya!" kata Ben.

- A Hai      B Nah      C Aduh

**Soalan 21 hingga 25**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya di kertas jawapan yang disediakan.

Perpustakaan Taman Muhibah baru siap dibina pada minggu lepas. Sehubungan dengan itu, para penduduk Taman Muhibah bergotong-royong untuk menceriakan lagi perpustakaan ini.

Semua kerusi dan meja disusun manakala buku-buku sumbangan orang ramai diletakkan di rak dengan kemas. Surat khabar dan majalah juga diletakkan di ruang bacaan. Terdapat juga beberapa buah komputer yang dilengkapi kemudahan internet.

Selain di bahagian dalam, keceriaan di bahagian luar juga diambil kira. Dinding perpustakaan dicat dengan mural yang cantik dan menarik. Di sekitar perpustakaan pula ditanam pokok bunga yang berwarna-warni.

Para penduduk berasa gembira apabila melihat hasil gotong-royong mereka. Perpustakaan Taman Muhibah kelihatan **ceria**.

21. Apakah tujuan gotong-royong ini diadakan?

- A menceriakan perpustakaan  
B mendapatkan bahan bacaan  
C membina perpustakaan baharu

22. Di manakah mural dicat ?

- A di ruang bacaan.
- B dinding di luar perpustakaan.
- C dinding di dalam perpustakaan.

23. Berikut merupakan benda-benda yang terdapat di ruang bacaan kecuali \_\_\_\_\_.

- A majalah
- B surat khabar
- C televisyen

24. Mengapakah penduduk Taman Muhibah gembira?

- A Mereka mempunyai sebuah perpustakaan baharu.
- B Keadaan perpustakaan yang ceria.
- C perpustakaan itu lengkap dengan pelbagai kemudahan.

25. Perkataan **ceria** dalam petikan bermaksud

- A bersih dan cantik
- B indah dan wangi
- C bersih dan harum

**KERTAS JAWAPAN**

6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
16	17	18	19	20	21	22	23	24	25

**Bahagian C : 12 markah**

Isi tempat kosong dengan Kata Kerja Terbitan yang paling sesuai berdasarkan gambar yang diberikan.

meletup

memimpin

memasang

membancuh

menyusun

beraksi



26. Kim Hao dan Muthu sedang \_\_\_\_\_ kain rentang di gerai mereka.

m/s 4

	27. Adik terkejut apabila mendengar bunyi belon _____.
	28. Puan Vasanthi _____ tangan warga emas itu dengan berhati-hati.
	29. Encik Teck Sing dan Encik Bintung sedang _____ minuman Jumadu.
	30. Puan Lee mengajak warga emas itu menyanyi sambil _____.
	31. Puan Liza dan Puan Lela _____ semua bekas makanan yang telah dicuci itu.

Bahagian D : 10 markah

Isi tempat kosong dengan Kata Adjektif yang betul.


silinder

rapi

besar

tinggi


bengkok



32. Him Leon tidak dapat mengambil buku  
di atas rak yang \_\_\_\_\_ itu.




33. " Lihat, pembaris ini sudah \_\_\_\_\_"  
kata Min Min kepada kawannya.



34. Buku-buku disusun \_\_\_\_\_ di  
dalam rak buku .



35. Hadiah yang dimenangi oleh juara  
pertandingan itu sangat \_\_\_\_\_.



36. Pasu bunga yang berbentuk \_\_\_\_\_  
itu diletak di penjuru perpustakaan.

**Bahagian E : 8 markah**

**Baca dan catatkan maklumat pesanan.**

Encik Zakuan datang ke rumah Encik Borhan tetapi Encik Borhan tiada di rumah. Encik Zakuan telah meninggalkan pesanan kepada anak Encik Borhan, Nadia.

Encik Borhan, sila datang ke mesyuarat Hari Keluarga Taman Jaya. Mesyuarat ini akan diadakan pada 28 Jun 2016, pukul 9.00 malam bertempat di Balai Raya Taman Jaya. Kedatangan anda amat dihargai.



**Pesanan untuk ayah**

37. Perkara :	_____
38. Tarikh:	_____
39. Masa :	_____
40. Tempat :	_____

**Bahagian F : 20 markah**

**Baca petikan. Kemudian jawab soalan-soalan dengan ayat yang lengkap.**

Bersukan mempunyai banyak faedah. Apabila kita bersukan, badan kita akan menjadi sihat dan cergas. Selain itu, kita akan berasa seronok dengan menyertai pelbagai aktiviti sukan kerana mempunyai ramai kawan semasa menyertai aktiviti sukan tersebut.

Kita juga dapat menghindari diri daripada kegiatan-kegiatan yang tidak sihat apabila kita bersukan seperti melepak di pusat membeli-belah. Apabila kita berjaya dalam bidang sukan yang diceburi pula, kita dapat mengharumkan nama negara seperti Datuk Lee Chong Wei, jaguh badminton negara kita.

Oleh itu, kita hendaklah selalu bersukan supaya hidup kita sihat dan sejahtera. Apabila badan sihat, kita akan bebas daripada penyakit.

41. Apakah kesan ke atas badan kita apabila kita bersukan ?

Apabila kita bersukan, badan kita \_\_\_\_\_.

42. Mengapakah kita akan berasa seronok apabila menyertai pelbagai aktiviti sukan ?

Kita akan berasa seronok apabila menyertai pelbagai aktiviti sukan kerana \_\_\_\_\_.

43. Bagaimanakah kita dapat mengharumkan nama negara ?

Kita dapat mengharumkan nama negara apabila \_\_\_\_\_.

44. Siapakah jaguh badminton negara kita ?

Jaguh badminton negara kita ialah \_\_\_\_\_.

45. Tuliskan salah satu faedah bersukan ?

Kepada: yazid@yahoo.com  
Daripada: adila@yahoo.com  
Perkara: Hari Keluarga Taman Sejahtera

Sahabatku,

Hari Sukan Taman Reko telah dianjurkan pada hari Sabtu yang lalu. Para penduduk Taman Reko hadir bersama-sama untuk memeriahkan lagi aktiviti pada hari tersebut.

Hari sukan dimulakan dengan ucapan Pengurus Taman Reko, Encik Kumar. Beliau berbesar hati kerana penduduk Taman Reko bersama-sama menjayakan aktiviti itu.

Selepas itu, pelbagai acara diadakan. Kanak-kanak menyertai acara lari dalam guni manakala golongan remaja dan ibu bapa mengambil bahagian dalam sukaneka. Penduduk Taman Reko bertepuk tangan sambil memberikan sokongan kepada para peserta. Para penduduk menjamu selera sambil berbual mesra pada akhir majlis.

Semoga kita berjumpa lagi, sahabatku.

Adila

46. Adila menulis e-mel kepada siapa ?

Adila menulis e-mel kepada \_\_\_\_\_.

47. Apakah hubungan antara Adila dan Yazid ?

Hubungan mereka ialah \_\_\_\_\_.

48. Mengapakah Encik Kumar berasa bangga ?

Encik Kumar berasa bangga kerana \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

49. Apakah acara yang disertai oleh kanak-kanak ?

Kanak-kanak menyertai acara \_\_\_\_\_

50. Apakah yang dilakukan oleh penduduk Taman Reko pada akhir majlis ?

Pada akhir majlis, mereka \_\_\_\_\_